



Pakej Bantuan **KEMUDAHAN BAYARAN - PEMBIAYAAN MIKRO dan KOMERSIAL**



Agrobank mengambil inisiatif membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan. Tawaran ini khusus buat pelanggan yang masih menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka selepas tempoh moratorium secara automatik tamat pada 30 September 2020 berikutan penularan wabak COVID-19.

PAKEJ BANTUAN KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN

Terdapat TIGA (3) PAKEJ BANTUAN KEMUDAHAN bayaran pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank:-



PAKEJ 1

Pengurangan 50% bayaran bulanan untuk enam (6) bulan pertama dan lanjutan tempoh selama enam (6) bulan.



PAKEJ 2

Tempoh penangguhan bayaran untuk enam (6) bulan pertama (hanya bayaran keuntungan pembiayaan sahaja dibuat) dan lanjutan tempoh selama enam (6) bulan.



PAKEJ 3

Pengurangan 30% bayaran bulanan untuk tiga (3), enam (6) bulan atau 12 bulan pertama dan lanjutan tempoh.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di talian **1-300-88-2476** atau layari **www.agrobank.com.my** atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara





Pakej Bantuan KEMUDAHAN BAYARAN - PEMBIAYAAN RETAIL



Agrobank mengambil inisiatif membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan. Tawaran ini khusus buat pelanggan yang masih menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka selepas tempoh moratorium secara automatik tamat pada 30 September 2020 berikutan penularan wabak COVID-19.

TERBUKA KEPADA

- (a) Pelanggan **Pembayaran Peribadi (Agro Cash-i)** & kemudahan **Pembelian Tanah Pertanian (Hartani-i)** sedia ada dengan pembiayaan RM500,000.00 dan ke bawah;
- (b) Akaun pembiayaan di bawah kategori tertunggak [tunggakan satu (1) bulan sehingga tiga (3) bulan] berakhir Mac 2020

PAKEJ BANTUAN KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN


Bagi akaun pembiayaan yang tiada tunggakan, boleh dipertimbangkan mengikut terma dan syarat. Terdapat tiga (3) pakej bantuan kemudahan yang ditawarkan oleh Bank iaitu:-



PAKEJ 1

PEMBAYARAN BERPERINGKAT

Pelanggan akan membayar ansuran bulanan yang lebih rendah pada enam (6) bulan pertama dan ansuran bulanan akan meningkat pada baki tempoh pembiayaan yang seterusnya.



PAKEJ 2

LANJUTAN TEMPOH PEMBIAYAAN

Melanjutkan tempoh pembiayaan sedia ada dan mengurangkan ansuran bulanan.



PAKEJ 3

LANJUTAN TEMPOH MORATORIUM SELAMA TIGA (3) BULAN

Hanya terpakai kepada pelanggan yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh majikan bermula dari Januari 2020 dan pelanggan yang mana perniagaan tidak lagi wujud / tidak beroperasi semasa atau selepas PKP / PKPB / PKPP / Pandemik.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di talian **1-300-88-2476** atau layari www.agrobank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara

